



## IHP tertinggi dalam tempoh 8 tahun

Posted on Friday , 21 April 2017

**KUALA LUMPUR** 19 April – Indeks Harga Pengguna (IHP) yang digunakan untuk mengukur kadar inflasi, meningkat sebanyak 5.1 peratus pada Mac 2017 kepada 119.6, berikutan asas indeks yang rendah pada tahun lepas dan harga bahan api runcit yang lebih tinggi berbanding Mac 2016, menurut Jabatan Perangkaan.

IHP bagi bulan tersebut adalah yang tertinggi sejak November 2008, apabila ia naik sebanyak 5.7 peratus, katanya.

Jabatan itu berkata, inflasi teras bagaimanapun kekal stabil pada 2.5 peratus.

Antara kumpulan utama yang menyumbang kepada kenaikan IHP ialah pengangkutan (+23 peratus), makanan dan minuman bukan alkohol (+4.1 peratus), perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan (+3.0 peratus), kesihatan (+2.6 peratus), restoran dan hotel (+2.3 peratus) serta perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain, katanya.

“Indeks kumpulan pengangkutan menunjukkan peningkatan yang ketara disebabkan kesan daripada asas indeks kumpulan pengangkutan yang rendah pada Mac 2016 dan harga bahan api yang lebih tinggi pada Mac 2017.

“Harga purata 1 liter petrol RON95 adalah RM2.29 pada Mac 2017 berbanding RM1.60 pada Mac 2016. Bagi RON97, harga purata meningkat kepada RM2.59 pada Mac 2017 berbanding RM1.95 pada Mac 2016,” katanya. – BERNAMA